

16 JUL 2001

PM Pengerusikan Mesyuarat Pra Majlis Sebelum Dewan Rakyat Bermula

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat pra majlis sidang Dewan Rakyat penggal ketiga di Parlimen.

Mesyuarat kira-kira sejam yang bermula pada pukul 8.30 pagi itu dihadiri wakil-wakil rakyat dan senator Barisan Nasional (BN).

Selepas majlis itu, Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) meraikan Dr Mahathir sempena genap 20 tahun beliau menerajui kerajaan. Doa selamat dibacakan oleh penasihat agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman.

Dr Mahathir memotong pulut kuning yang disediakan oleh BBC. Turut hadir ialah menteri-menteri kabinet.

Beberapa wakil rakyat mengambil kesempatan bersalaman sambil mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir.

Beberapa wakil rakyat yang ditemui selepas mesyuarat itu berkata antara perkara yang disentuh dalam mesyuarat itu ialah kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat ke atas negara, operasi Penerbangan Malaysian (MAS) seperti kenaikan tambang serta peringatan kepada wakil rakyat supaya memastikan persidangan dewan berjalan lancar.

-- BERNAMA

NZ NZ AKD